

16/06/1997

Malaysia, Indonesia rancang jambatan

ISTANBUL, Ahad - Malaysia dan Indonesia merancang membina sebuah jambatan merentangi Selat Melaka bagi menghubungkan Semenanjung dengan Sumatera.

Perkara ini dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada wartawan selepas mengadakan pertemuan dengan Presiden Suharto, di sini, hari ini.

Dr Mahathir dan Suharto berada di bandar raya ini untuk menghadiri sidang puncak pertama lapan negara membangun (D8), yang berlangsung hari ini.

Perdana Menteri berkata, cadangan pembinaan jambatan itu bergantung kepada kajian kemungkinan yang sedang dijalankan.

"(Ia akan dilaksanakan) kalau kemungkinannya baik," katanya selepas pertemuan kira-kira 20 minit itu di hotel penginapan kedua-dua pemimpin itu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir tidak memberi butiran lanjut mengenai cadangan pembinaan jambatan itu.

Selat Melaka, yang memisahkan Semenanjung Malaysia dan Sumatera, adalah salah satu laluan perdagangan penting di rantau Asia Tenggara.

Jarak antara dua lokasi terdekat wilayah Indonesia dan Malaysia adalah kira-kira 24 kilometer. Ketika ini, ada beberapa perkhidmatan feri yang menghubungkan Kukup di Johor Bahru, Melaka, Pulau Pinang di Semenanjung Malaysia dengan wilayah di Sumatera.

Dr Mahathir juga berkata beliau dan Suharto berbincang mengenai pelaburan Malaysia di Indonesia.

Beliau berkata, pelaburan Malaysia di Indonesia tidaklah menghadapi banyak masalah.

"Kita faham tentang kesulitan yang mengenai di Indonesia dan kita akan mengambil kira segala perkara itu," katanya.

(END)